

## **GARIS PANDUAN PEMBERIAN NAMA KEPADA PERTUBUHAN BELIA DI MALAYSIA**

1.1. Hanya menggunakan Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris sahaja

- Bahasa Malaysia boleh dibuat terjemahan Bahasa Inggeris
- Selanjutnya boleh menggunakan nama ringkas yang ada berkaitan dengan nama persatuan
- Contoh : MAYC
- Persatuan Belia .....(20 aksara) Taman Bahagia, Kuantan.

1.2. Nama yang **TIDAK DIBENARKAN** sebagai nama pertubuhan belia adalah:-

- Nama orang  
Contoh - Syarifah, Syed, Tengku, Megat dan sebagainya
- Kata perbuatan, hobi, aktiviti, kegiatan  
Contoh - Membaca, memikir, memandu, menjahit, mendaki dan sebagainya
- Perkataan yang merujuk kepada hobi@aktiviti (kebudayaan, rekreasi, kebajikan, sukan, kelab kereta dan sebagainya)  
Contoh – Kelab Belia Jelajah Angkasa / Kelab Belia Mendaki Gunung / Persatuan HONDA Malaysia
- Akronim atau singkatan dari gabungan nama.  
Contoh - Kelab Belia PERUMAH (Penggerak Ummah)
- Gabungan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.  
Contoh - Persatuan Belia Joy Global
- Nama yang merujuk kepada aktiviti keagamaan, pemujaan, politik, sensitiviti, perkauman, hasutan, immoral, provokasi, perjudian, keganasan, kognisi gelap dan sebagainya  
Contoh – Kelab Belia Black Metal

1.3. Perlu mengikut lokaliti, etnik atau bersifat umum dan setiap nama pertubuhan perlu diakhiri dengan lokaliti

- Contoh : Kelab Belia Kampung Pinang (lokaliti)
  - Contoh : Kelab Belia Iban Kampung Pinang(etnik)
  - Contoh : Kelab Belia Harmoni Kampung Pinang Serdang (umum)
- \*\* Pertubuhan bersifat etnik TIDAK DIGALAKKAN kerana adalah lebih baik dan sesuai sesuatu pertubuhan itu bersifat 1 Malaysia dalam 1 lokaliti

1.4. Perkataan BELIA wajib ada selepas perkataan PERSATUAN/KELAB

1.5. Pengkelasan nama mengikut peringkat

- Tunggal – KELAB
- Daerah – PERSATUAN / GERAKAN / ANGKATAN / MAJLIS
- Negeri - PERSATUAN / GERAKAN / ANGKATAN / MAJLIS
- Kebangsaan - PERSATUAN/GERAKAN/ANGKATAN/ MAJLIS  
(sistem bercawangan hanya menggunakan nama induk)

1.6. Penggunaan lokaliti nama DAERAH/NEGERI/KEBANGSAAN hanya dibenarkan pada pertubuhan yang setaraf sahaja

- Contoh : Kelab Belia Harmoni Gombak (tidak dibenarkan bagi pertubuhan tunggal kerana Gombak adalah sebuah DAERAH dalam Negeri Selangor)
- Contoh : Kelab Belia Harmoni Taman Greenwood (dibenarkan)

\*\* KAWASAN/PARLIMEN/BAHAGIAN/JAJAHAN adalah bertaraf DAERAH (perlu memenuhi pra syarat yang ditetapkan)

1.7. Tidak dibenarkan menggunakan perkataan-perkataan yang tidak difahami umum atau mempunyai maksud tersirat / tersendiri

- Contoh : Kelab Belia Ozz Ra

1.8. Tidak dibenarkan menggunakan beberapa perkataan yang tidak mempunyai maksud yang berkaitan.

- Contoh; Persatuan Belia Harmoni Bahagia Cemerlang Integriti Kampung Indah.